

02 OCT 1999

Pesuruhjaya-YTL

PELABUR DIGESA TINJAU PELUANG PELABURAN DI ZIMBABWE

Oleh: Abdul Muin Abdul Majid

VICTORIA FALLS (Zimbabwe), 2 Okt (Bernama) -- Syarikat-syarikat Malaysia harus datang untuk meninjau peluang pelaburan di Zimbabwe walaupun ada projek yang tidak dapat digerakkan disebabkan campurtangan dalam dan luar.

Pesuruhjaya Tinggi Malaysia Ali Abdullah berkata kerajaan Zimbabwe sedang mengkaji cara untuk mengurangkan birokrasi bagi meningkatkan pelaburan asing.

Ali juga berkata syarikat-syarikat Malaysia sedang mengaji cadangan penswastaaan dan perluasan Stesen Janakuasa Hwange oleh YTL Corporation Bhd, projek yang terbantut disebabkan campurtangan dalam dan luar.

"Kerajaan Zimbabwe telah mempelawa YTL untuk merundingkan semula cadangan pembabitannya dalam projek itu. wakil YTL dijangka tiba di Zimbabwe pada bila-bila masa," kata beliau kepada wartawan Malaysia yang membuat liputran lawatan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke Zimbabwe bagi menghadiri Southern African International Dialog, di sini.

Dr Mahathir tiba di Victoria Falls tengah hari tadi.

"Jika usahasama itu berjaya, pelabur lain akan menyusul," kata beliau.

Pada 15 Okt 1998, Zimbabwe dan anak syarikat YTL, YTL Power International Bhd, menandatangani surat tawaran bagi projek berharga AS\$600 juta itu.

Ia membabitkan Peningkatan Keupayaan Stesen Janakuasa Hwange sebanyak 600 megawatt melalui pembiayaan dan pembinaan dua unit baru 300 MW untuk meningkatkan kapasiti kepada 1,580 MW bagi Zimbabwe Electricity Supply Authority (ZESA).

Ali berkata masalah yang dihadapi oleh YTL sebahagiannya disebabkan syarikat-syarikat asing lain juga menaruh minat kepada projek berkenaan serta keperluan oleh Tabung Matawang Antarabangsa (IMF) dan agensi-agensi penderma.

Beliau berkata IMF berpendapat bahawa adalah lebih baik bagi Zimbabwe menjalankan projek yang sama di Gokwe membabitkan kos kira-kira AS\$1 bilion yang National Power of Britain menunjukkan minat.

"Jika IMF tidak mengeluarkan bantuan kewangan kepada Zimbabwe disebabkan negara itu tidak memenuhi keperluan, maka pertubuhan derma lain tidak akan datang untuk membantu Zimbabwe," kata beliau.

Ali juga berkata sekumpulan dari syarikat Proton melawat Zimbabwe baru-baru ini untuk meninjau pasaran bagi kereta Proton di negara itu.

Beliau berkata satu lagi opsyen yang dipertimbangkan ialah memasang kereta itu di Zimbabwe.

Mengenai jumlah perdagangan, Ali berkata hubungan dua hala cuma berjumlah RM16 juta tahun lalu.

Malaysia membeli tembakau dan barangan makanan dari Zimbabwe sementara negara ini mengimport barangan elektrik, elektronik dan barangan makanan dari Malaysia.

Beliau berkata terdapat potensi bagi memajukan perdagangan tukar barang antara kedua-dua negara.

Ali, yang memulakan tempoh perkhidmatan di Harare lebih setahun lalu juga ditauliahkan ke tujuh negara iaitu Zambia, Malawi, Tanzania, Uganda, Comoros, Seychelles dan Mauritius.

-- BERNAMA

MAM FAZ